

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

SAU302 - Penyelewengan dan Kawalan Sosial

Masa: [2 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH** muka surat dan **SATU** muka surat kertas jawapan yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan di Bahagian A, B dan C. Jawab Bahagian A dalam Kertas Jawapan yang dilampirkan dengan menandakan (X) untuk jawapan-jawapan yang benar.

Bahagian A (25 markah)

Jawab **SEMUA** soalan. Gunakan Kertas Jawapan yang dilampirkan.

1. Menurut Ernest Hooton, penjenayah-penjenayah merupakan jenis-jenis organisme manusia yang lemah (inferior) dan bermutu rendah yang perlu dihapuskan secara sistematis dan dilarang melahirkan anak-anak:
 - (a) Benar
 - (b) Salah

2. Penentuan Kajihayat (Biologi) menekankan bahawa jenayah mungkin akibat ketidaksamaan sosial dan bukan akibat ketidaktentuan pergolakan fungsi masyarakat.
 - (a) Benar
 - (b) Salah

3. Menurut Laud Humphreys, dunia gelap ahli-ahli "gay" sedang kian menunjukkan satu imej yang bersifat laki-laki. Ini dipanggil defeminasi (defeminization):
- (a) Benar
(b) Salah
4. Menurut sebahagian besar ahli-ahli Sosiologi pengguna-pengguna dadah adalah individu-individu yang tidak waras dan hanya faktor-faktor psikologi sahaja yang boleh menjelaskan masalah ini:
- (a) Benar
(b) Salah
5. Menurut teori Eugenik bentuk luar kepala seseorang itu mencerminkan bentuk isi otaknya :
- (a) Benar
(b) Salah
6. Beccaria, seorang ahli teori penyelewengan pendekatan klasikal telah dipengaruhi oleh falsafah kontrek sosial pada zaman riwayatnya. Beliau percaya bahawa manusia memilih tindakan-tindakan yang akan mendatangkan keseorongan dan mengelak tindakan-tindakan yang menyakitkan.
- (a) Benar
(b) Salah
7. Menurut Sheldon, kita semua mempunyai kecenderungan-kecenderungan untuk melakukan perbuatan-perbuatan jenayah, tetapi sebahagian besar dari kita telah belajar mengawal kecenderungan-kecenderungan ini dalam proses sosialisasi:
- (a) Benar
(b) Salah

...3/-

8. Mengikut Durkheim, jenayah tidak berfaedah untuk masyarakat dan sebagai sesuatu jenis penyakit, ia mesti dibasmikan sepenuhnya.
 - (a) Benar
 - (b) Salah
9. Kejenayah budak-budak adalah suatu fenomena yang membahayakan: "hell-raising" yang dilakukan oleh pemuda-pemuda "Anomie" apabila mereka tidak dapat mencapai keperluan-keperluan kejayaan klas pertengahan seperti mana yang disogokkan dalam proses pemasyarakatan mereka.
 - (a) Benar
 - (b) Salah
10. Pemuda-pemuda "Anomie" terbahagi kepada tiga budaya-kecil: iaitu penjenayah; kecenderungan berkonflik dan tarikdirian.
 - (a) Benar
 - (b) Salah
11. Orientasi rawatan terhadap penyelewengan sosial seperti 'Alcoholism' berasaskan andaian bahawa penyelewengan tersebut wujud kerana 'abnormality' atau pathologi.
 - (a) Benar
 - (b) Salah
12. Menurut Filem 'I am Dependent, You're Addicted', kategori-kategori utama dadah termasuk Stimulans dan Halusinogen.
 - (a) Benar
 - (b) Salah
13. Ahli-ahli teoritis klassikal penyelewengan sosial bersetuju bahawa penyelewengan dilakukan secara paksaan dan tidak mencerminkan pilihan individu.
 - (a) Benar
 - (b) Salah

14. Menurut Cohen Penyelewengan sosial terletak dalam struktur genetik individu.
- (a) Benar
(b) Salah
15. Sumbangan utama kajian-kajian 'Chicago Ecological School' kepada bidang pengajian penyelewengan sosial termasuk pembangunan teori-teori penyaluran kebudayaan 'Cultural Transmission' dan penumpuan atas analisa konflik antara kumpulan (inter group conflict).
- (a) Benar
(b) Salah
16. Analisa Funsionalisme am mengenai penyelewengan sosial mengutamakan tema-tema seperti:
- (a) fungsi-fungsi tersembunyi (latent functions)
(b) nilai-nilai masyarakat
(c) Kekekalan Sempadan (Boundary Maintenance)
(d) semua di atas adalah benar
(e) (a) dan (b) sahaja benar
17. Teori-teori disorganisasi sosial menegaskan faktor-faktor yang menolak (push) atau mendorong seseorang kepada penyelewengan sosial.
- (a) Benar
(b) Salah
18. Teori-teori 'Anomie' dan 'Subculture' mengenai penyelewengan menumpukan peranan yang dimain oleh sistem kelas masyarakat yang menghasilkan berbagai jenis penyelewengan sosial.
- (a) Benar
(b) Salah

19. Teori-teori konflik tradisional serta radikal menegaskan pola-pola dominasi ide-ide dan susunan sosial sebagai faktor-faktor utama dalam penjelaskan penyelewengan sosial.
- (a) Benar
(b) Salah
20. Satu di antara kritikan teori 'labeling' gelaran ialah bahawa teori tersebut kurang mementingkan norma-norma masyarakat dalam menentukan penyelewengan sosial
- (a) Benar
(b) Salah
21. Menurut _____ konflik di antara norma-norma kebudayaan kecil (subcultures) dan kebudayaan utama masyarakat menghasilkan penyelewengan sosial.
- (a) Sellin
(b) Miller
(c) Sutherland
(d) Cloward dan Ohlin
(e) semua di atas
22. Penyelewengan merupakan hasil-hasil pemberontakan yang menentang norma-norma kapatalis. Ini di syorkan oleh ahli-ahli kriminologi tradisional seperti Turk dan Quinney:
- (a) Benar
(b) Salah
23. Menurut pendekatan teori labeling penyelewengan merupakan satu 'label' gelaran yang di gunakan oleh pihak-pihak yang berkuasa terhadap tingkahlaku ahli-ahli kumpulan yang lemah dan kurang berkuasa.
- (a) Benar
(b) Salah

24. Menurut Becker kebanyakkan ahli masyarakat terlibat dalam penyelewengan primer (Primary Deviance) walaupun mereka ini tidak menganggapkan mereka sendiri sebagai penyeleweng dalam masyarakat.

(a) Benar

(b) Salah

25. Menurut Quinney penyelewangan sosial bergantung kepada pihak-pihak yang mengkawal dan mendominasikan sistem undang-undang dan sistem pengkuatkuasaan undang-undang dalam masyarakat.

(a) Benar

(b) Salah

Bahagian B

Jawab SEMUA soalan. (45 markah)

1. Secara ringkas jelaskan tiga dari orientasi teori-teori penyelewangan di bawah:

(a) Teori Peluang-Peluang Berbeza (Differential Opportunities)

(b) Teori Persekawanan Berbeza (Differential Association)

(c) Teori Konflik Bonger atau Teori Konflik Marx

(d) Teori Penggelaran (Labeling)

2. Secara ringkas jelaskan dua konsep di bawah ini yang berkait dengan penyelewangan dan kawalan sosial:

(a) Motif-motif lisan

(b) Kebiasaan penyelewangan

(c) "Somatotype" (Sheldon)

(e) Penyelewangan Utama dan Sekunder

(f) Institusi-Institusi Terkawal

(g) Kawalan Sosial

(h) Eugenik

Bahagian C (30 markah)

Semua soalan mesti dijawab.

1. (i) Pilih salah satu topik di bawah:

- (a) Kejenayahahan budak-budak
- (b) Jenayah
- (c) Pelacuran
- (d) Seks di antara jantina sejenis (Homosexualiti)
- (e) Penyalahgunaan dadah; atau
- (f) Salah satu daripada jenis tingkahlaku penyelewengan pilihan anda.

(ii) Jelaskan mengapa fenomena ini boleh dikatakan menyeleweng dalam masyarakat kita?

(iii) Berasaskan pengetahuan yang anda telah dapati dalam kursus ini, jelaskan mengapa fenomena ini wujud dalam masyarakat kita?

(iv) Berdasarkan penyelidikan dalam bidang ini,uraikan taraf pengetahuan masakini mengenai fenomena ini.

(v) Apakah masalah-masalah kaedah (metodologi) yang akan anda hadapi jika anda menjalankan kajian dalam fenomena ini?

(vi) Uraikan mekanisme-mekanisme kawalan sosial terhadap dengan fenomena ini.

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

	A	B	C	D	E
1.	()	()	()	()	()
2.	()	()	()	()	()
3.	()	()	()	()	()
4.	()	()	()	()	()
5.	()	()	()	()	()
6.	()	()	()	()	()
7.	()	()	()	()	()
8.	()	()	()	()	()
9.	()	()	()	()	()
10.	()	()	()	()	()
11.	()	()	()	()	()
12.	()	()	()	()	()
13.	()	()	()	()	()
14.	()	()	()	()	()
15.	()	()	()	()	()
16.	()	()	()	()	()
17.	()	()	()	()	()
18.	()	()	()	()	()
19.	()	()	()	()	()
20.	()	()	()	()	()
21.	()	()	()	()	()
22.	()	()	()	()	()
23.	()	()	()	()	()
24.	()	()	()	()	()
25.	()	()	()	()	()